

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIF BIN ABDUL RAHMAN  
[ KUALA KRAI ]**

**TARIKH : 22 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [ KUALA KRAI ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah yang paling efektif dan holistik bagi menangani kes-kes pengangguran dalam kalangan rakyat dan sejauh mana persediaan Kerajaan menangani impak jumlah pengangguran yang semakin meningkat menjelang tahun 2022.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Saya mohon izin untuk terlebih dahulu menjelaskan fungsi dan peranan Kementerian Sumber Manusia sebelum menjawab soalan daripada YB Kuala Krai bersekali dengan soalan nombor 49 (22 September 2021) berkaitan isu pengangguran daripada YB Bukit Gelugor.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Kementerian Sumber Manusia diberi tanggungjawab menjaga hal-hal berkaitan pekerja dan majikan seperti keselamatan sosial (Contoh, skim-skim insuran PERKESO); hak dan kebajikan pihak pekerja dan majikan di mana kementerian mewujudkan undang-undang/peraturan/akta serta platform rundingan antara majikan dan pekerja dan menyelesaikan pertikaian perburuhan di Mahkamah Perindustrian; keselamatan dan kesihatan di tempat kerja (Contoh penyediaan prosedur operasi standard – SOP dan kod etika di tempat kerja); isu-isu berkaitan gaji seperti penetapan gaji minimum. Oleh yang demikian, dengan hormatnya ingin saya tegaskan bahawa Kementerian Sumber Manusia tidak terlibat secara langsung dalam menjana pekerjaan dan mewujudkan peluang pekerjaan baharu. Namun Kementerian Sumber Manusia bersama kementerian-kementerian lain menggembeng idea dan tenaga bagi membantu negara menangani isu-isu pengangguran seperti *reskilling* dan *upskilling* sumber manusia negara khususnya di sepanjang tempoh pandemik Covid-19 ini.

**Tuan Yang Di Pertua,**

Sekarang izinkan saya menjawab pertanyaan daripada YB Kuala Krai dan YB Bukit Gelugor berkaitan isu pengangguran.

Berdasarkan data terkini kaji selidik Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran rakyat Malaysia menurun **0.3 peratus daripada 5.1 peratus pada suku kedua tahun 2020 kepada 4.8 peratus** pada suku kedua 2021.

## SOALAN NO : 9

Data MyFutureJobs yang diperoleh sehingga September 2021 mencatatkan sejumlah 1,574,327 peluang pekerjaan pelbagai kategori disediakan di dalam portal tersebut. Manakala, seramai 636,613 orang pencari kerja sedang mencari pekerjaan di mana daripada jumlah tersebut seramai 217,356 individu telah berjaya mendapat padanan pekerjaan.

Dalam mendepani situasi ini, Kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan pelbagai program bantuan dan pakej rangsangan sejak pandemik COVID-19 melanda negara. Antaranya adalah melalui pakej bantuan tambahan iaitu PERMAI, PEMERKASA dan PEMERKASA Tambahan serta PEMULIH bertujuan untuk memberikan bantuan menyeluruh kepada rakyat dan seterusnya mengekalkan pekerjaan.

Dalam usaha untuk membantu mereka yang kehilangan pekerjaan dan juga sumber pendapatan, Kerajaan telah memperluaskan Elaun Mencari Pekerjaan kepada bukan pencarum PERKESO terutamanya graduan baharu, lepasan sekolah dan pekerja sektor tidak formal. Elaun sekurang-kurangnya RM300 diterima apabila mereka mendaftar dibawah platform MyFutureJobs.

Kerajaan juga telah memperluaskan skop insentif pengambilan pekerja untuk meliputi pekerjaan sementara dan pekerjaan *gig* oleh PERKESO iaitu:

- (i) menyediakan peruntukan RM300 juta yang akan memanfaatkan 60,000 pekerja, di mana setiap pekerja akan menerima RM600 sebulan selama tempoh maksimum enam (6) bulan; dan
- (ii) bagi majikan yang menawarkan pekerjaan jangka pendek ataupun platform penyedia perkhidmatan *gig* yang berdaftar dengan PERKESO, mereka akan menerima RM200 bagi setiap pekerja yang ditempatkan.

## SOALAN NO : 9

Selain itu, sejumlah RM125 juta diperuntukkan untuk melaksanakan inisiatif Place and Train di bawah Program Janapreneur HRDCorp terutama kepada belia lepasan sekolah dan graduan. Inisiatif ini akan membuka peluang kepada 30 ribu orang untuk mengikuti program latihan dengan jaminan pekerjaan setelah tamat latihan.

Selain pekerja, majikan yang terjejas juga akan turut dibantu oleh Kerajaan untuk meneruskan kelangsungan operasi perniagaan. Pelaksanaan **Program Subsidi Upah 4.0** dengan peruntukan sebanyak RM3.8 bilion memanfaatkan lebih 2.5 juta pekerja. Majikan akan diberi bantuan kewangan sebanyak RM600 bagi setiap pekerja dengan had sehingga 500 pekerja selama tempoh empat (4) bulan iaitu dua (2) bulan bagi semua sektor dalam fasa ke-2 PPN dan dua (2) bulan seterusnya khusus bagi sektor-sektor yang dikategorikan dalam senarai negatif termasuk industri pelancongan dan perhotelan semasa tempoh fasa ke-3. Di bawah PSU 4.0 juga, tiada lagi syarat had gaji dibawah RM4 ribu ditetapkan. Ini membolehkan majikan untuk memohon PSU 4.0 bagi pekerja yang bergaji lebih RM4 ribu.

Selain itu, majikan yang tidak dapat beroperasi semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diberi pengecualian levi HRDCorp bagi tempoh dua (2) bulan. Manakala, bagi majikan daripada sektor-sektor yang baharu dirangkumi ekoran daripada peluasan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 diberi pelanjutan pengecualian levi sehingga 31 Disember 2021.

Kerajaan juga melanjutkan program PenjanaKerjaya PERKESO dan dijenamakan sebagai PenjanaKerjaya 3.0 dengan beberapa penambahbaikan antaranya:

- a) mengurangkan had kelayakan gaji daripada RM1,500 kepada RM1,200 untuk program Malaysianisation sebagai dorongan kepada majikan untuk mengambil pekerja tempatan bagi menggantikan pekerja asing; dan

## SOALAN NO : 9

- b) tempoh kontrak penggajian juga dilonggarkan daripada 12 bulan kepada enam (6) bulan bagi kategori pekerja berusia 50 tahun ke atas, golongan OKU dan bekas banduan.

Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang dinamik dan komprehensif disokong oleh pembukaan beberapa sektor ekonomi secara berfasa berjaya merangsang aktiviti ekonomi sekaligus mendorong pengambilan lebih ramai pekerja dalam pasaran buruh. Pertumbuhan ekonomi negara dijangka akan terus berkembang apabila kesemua sektor ekonomi dibuka sepenuhnya sebaik negara mencapai imuniti kelompok penuh. Berdasarkan situasi ini, adalah dijangka kadar pengangguran di kalangan rakyat Malaysia pada tahun 2022 akan terus berada pada kadar yang stabil.

Kerajaan dari semasa ke semasa juga akan menambah baik langkah-langkah sedia ada dan akan mewujudkan lebih banyak program atau mekanisme bagi membantu rakyat mendapatkan pekerjaan dan mengatasi kadar pengangguran negara.

Sekian, terima kasih.